



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

HUAWEI MALAYSIA DAN MIMOS BEKERJASAMA TINGKATKAN TENAGA KERJA TEMPATAN DENGAN 'DEEP TECHNOLOGY'



(Dari kiri: Dr. Saat Shukri Embong, Pengarah, Teknologi Strategik Korporat, MIMOS; Nik Kamaruzaman Nik Husin, Setiausaha Bahagian, Pembudayaan dan Perkhidmatan STI, MOSTI; Dr. Iskandar Samad, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif MIMOS; Yang Berhormat Dato' Sri Dr Adham Baba, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi; Michael Yuan, Ketua Pegawai Eksekutif Huawei Malaysia; Zac Chow, Naib Presiden Huawei Malaysia)

KUALA LUMPUR, 28 April 2022 - Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato' Sri Dr. Adham Baba hari ini menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara MIMOS Berhad dan Huawei Malaysia.

MoU ini adalah kerjasama bagi membangunkan program latihan '**Upskilling for Deep Tech and Future Skills**' yang bertujuan meningkatkan kemahiran dan menempatkan tenaga kerja terlatih tempatan dalam industri *deep tech*. Menerusi MoU yang dimeterai, MIMOS dan Huawei Malaysia akan saling bekerjasama bagi membentuk program kemahiran teknologi yang dapat menambahbaik kebolehan dan kepakaran digital di kalangan tenaga kerja tempatan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato' Sri Dr. Adham Baba berkata, Program latihan 'Upskilling for Deeptech and Futureskills' merupakan inisiatif MOSTI untuk membantu industri mendapatkan pekerja yang berkredibiliti dan mempunyai kemahiran yang kompeten selain membangunkan kapasiti pekerja melalui pendedahan kepada keperluan sebenar industri. Antara lain, program ini bertujuan untuk membantu rakyat Malaysia terutamanya mereka yang hilang sumber pendapatan untuk kembali menjana pendapatan stabil serta berpeluang untuk meningkatkan kemahiran diri.

YB Dato' Sri Dr. Adham Baba turut mengumumkan bahawa pada bulan Jun tahun ini, MIMOS akan melancarkan Program Transformasi Digital untuk memilih bakat-bakat di kalangan syarikat-syarikat berasaskan teknologi maklumat tempatan untuk menjalani latihan dan pensijilan *Huawei Certified ICT Associate* oleh Huawei. MIMOS mensasarkan penyertaan 1,000 calon bagi menjalani program dan latihan ini.

“Saya percaya dengan keupayaan, kepakaran dan kerjasama antara MIMOS dan Huawei Malaysia dalam bidang teknologi termaju, elektrik dan elektronik serta dengan fasiliti canggih yang disediakan Huawei, program ini akan meningkatkan kemahiran dan daya saing yang mampan dalam kalangan rakyat Malaysia.” kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

Dengan kerjasama MIMOS, Huawei Malaysia akan menjadi penyedia latihan rasmi untuk membentuk dan meningkatkan tenaga kerja mahir dalam industri bagi mempromosikan dan mengembangkan kumpulan bakat tempatan. Kedua-dua pihak akan menyediakan perkhidmatan secara menyeluruh untuk mengenal pasti calon berpotensi dalam industri serta

agensi kementerian untuk menyertai program tersebut. Para peserta yang terpilih akan berpeluang menyertai latihan yang diselenggarakan oleh Huawei Malaysia Global Training Center (MGTC).

MGTC adalah yang pertama seumpamanya ditubuhkan di luar negara China. Pusat Latihan ini bertujuan untuk meletakkan Malaysia sebagai hab latihan terkemuka bagi teknologi ICT dan pembangunan bakat di mana kerjasama antara Huawei dan MIMOS akan menyumbang ke arah merealisasikan objektif pusat itu.

MIMOS sebagai agensi strategik di bawah MOSTI akan menawarkan latihan dan pensijilan profesional yang memfokuskan kepada bidang 5G, *Advanced Intelligent Systems*, *Augmented Analytics* dan teknologi *Data Discovery*.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif MIMOS, Dr. Iskandar Samad berkata, “sebagai pusat penyelidikan dan pembangunan nasional, MIMOS komited menyokong inisiatif *Deep Tech and Future Skills* untuk membangunkan bakat dalam teknologi termaju.”

Dr. Iskandar menegaskan lagi, “Dengan kerjasama Huawei, ini akan mempergiatkan lagi usaha pembangunan kemahiran dalam melahirkan bakat *deep tech* berdasarkan Rangka Kerja 10-10 MySTIE, untuk menambah peluang pekerjaan dalam sektor teknologi tinggi dan memupuk minat dalam kalangan bakat muda dan meningkatkan kemahiran mereka untuk memastikan mereka mendapat akses ke pasaran,” katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif Huawei Malaysia, Michael Yuan berkata untuk mengukuhkan asas ekosistem digital, memupuk bakat digital amat penting untuk pembangunan negara.

“Yang paling utama, Internet untuk Segalanya (IoT), Kecerdasan Buatan, Analisis *Big Data* dan Pengkomputeran Awan memerlukan bakat. Kita perlu mempergiatkan usaha dalam membangunkan bakat digital dan

meningkatkan kepakaran kita dengan rakan kongsi dalam sektor teknologi untuk memastikan kita tidak ketinggalan.”

Tambahnya lagi, “Huawei Malaysia akan terus menyokong aspirasi kerajaan untuk transformasi industri termasuk membimbing kumpulan bakat digital yang lebih besar di Malaysia, dan membantu membangunkan lebih banyak bakat digital sebagai tenaga kerja Malaysia yang merentasi industri, sekaligus memperluaskan sempadan digital mereka dengan menggunakan kemahiran dan kepakaran kami.”

MOSTI di bawah Inisiatif JaminKerja Keluarga Malaysia diberi mandat untuk mewujudkan 5,000 peluang pekerjaan dalam bidang *deeptech & futureskills*.

<TAMAT>

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI 28 APRIL 2022



Mengenai MIMOS

MIMOS adalah Pusat Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Gunaan Nasional Malaysia. Sebagai sebuah agensi strategik di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), MIMOS menyumbang ke arah pertumbuhan sosioekonomi Malaysia melalui platform, produk dan penyelesaian teknologi yang boleh dipatenkan. Mendukung peranan teras dalam kembara transformasi digital negara, MIMOS beriltizam mewujudkan suatu budaya inovasi dengan memupuk jalinan antara pemegang-kepentingan dan rakan usaha sama dalam semangat perkongsian pintar dan model pertumbuhan menyeluruh.

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang MIMOS, sila kunjungi www.mimos.my.



Mengenai Huawei

Ditubuhkan pada tahun 1987, Huawei merupakan penyedia global terkemuka bagi infrastruktur dan peranti pintar teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Kami mempunyai lebih 197,000 pekerja, dan beroperasi di lebih 170 negara dan rantau, memberikan perkhidmatan kepada lebih tiga bilion penduduk di seluruh dunia.

Visi dan misi kami adalah untuk membawakan digital kepada setiap individu, rumah dan organisasi bagi sebuah dunia yang pintar dan terhubung sepenuhnya. Bagi mencapai tujuan ini, kami memacu

kesalinghubungan yang sentiasa tersedia dan menggalakkan akses yang sama rata kepada rangkaian; membawakan awan dan kecerdasan buatan ke semua empat penjuru dunia untuk menyediakan kuasa perkomputeran hebat walau di mana jua anda memerlukannya, dan bila-bila sahaja anda memerlukannya; membina platform digital bagi membantu semua industri dan organisasi menjadi lebih tangkas, cekap dan dinamik; mendefinisikan semula pengalaman pengguna dengan kecerdasan buatan (AI), menjadikannya lebih diperibadikan bagi orang ramai dalam semua aspek kehidupan mereka, sama ada mereka berada di rumah, di pejabat, ataupun sedang mengembara.

Pada November 2020, Huawei juga telah membangunkan program Huawei Spark yang bertujuan untuk meningkatkan pertumbuhan syarikat serta membina ekosistem untuk perniagaan di Rantau Asia Pasifik (APAC). Program ini menawarkan peluang untuk individu berkemahiran *deep tech* bagi mencapai target pasaran dan menarik pelanggan berpotensi serta memperoleh latihan daripada Huawei Malaysia and peluang untuk bekerjasama dengan Huawei di Asia Pasifik.

Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi Huawei secara dalam talian di www.huawei.com atau ikuti kami menerusi:

<http://www.linkedin.com/company/Huawei>

<http://www.twitter.com/Huawei>

<http://www.facebook.com/Huawei>

<http://www.google.com/+Huawei>

<http://www.youtube.com/Huawei>

For media enquiries:

Sonia Ramachandran, Public Affairs and Communications, Huawei Malaysia
+6012 970 4319, soniaa.ramachandran@huawei.com

Ilya Amira Harith, DM Analytics Sdn Bhd
+6013 228 8005, ia@dm-analytics.com